


16 - 28 FEBRUARI, 2023

PERCUMA

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow



**HUTAN Paya Laut dekat Teluk Air Tawar antara kawasan yang telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal.**

# Pewartaan Hutan Simpanan Kekal

## pulihara alam, manfaat komuniti

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD & NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SECARA** umumnya, salah satu matlamat yang digariskan dalam Visi Penang2030 berjaya dicapai apabila Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow telah mewartakan hampir 1,000 hektar Hutan Simpanan Kekal pada tahun 2022.

Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, **PHEE BOON POH** berkata bahawa pewartaan tersebut menjadikan keluasan Hutan Simpanan Kekal di negeri Pulau Pinang kini mencecah seluas 6,063.25 hektar berbanding 5,100.93 hektar pada tahun 2019.

"Pada tahun 2019, Ketua Menteri menyatakan bahawa Pulau Pinang perlu meningkatkan tembok penahan ombak serta aspek jaminan makanan demi menjayakan Visi Penang2030.



**PHEE Boon Poh.**

"Ini kerana, di negeri Pulau Pinang kita dapati ramai penduduknya bekerja sebagai nelayan, namun hasil laut pula dilihat semakin berkurangan ekoran peningkatan tangkapan hasil laut saban hari.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti 38 lokasi kawasan Hutan Paya Laut yang berada dalam tanah kerajaan dan milik agensi kerajaan untuk digazetkan sebagai Hutan Simpanan Kekal pada 15 Disember 2022," katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui sempena wawancara khas baru-baru ini.

Difahamkan, seluas 285.84 hektar di sebahagian Pulau Jerejak telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal pada 26 Mac 2020 dan merupakan yang julung kali dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak Akta Perhutanan Negara 1984 diguna pakai di negeri ini.

Selain aspek keselamatan makanan, Boon Poh berkata bahawa pewartaan Hutan Simpanan Kekal juga penting sebagai tembok penahan ombak terutamanya semasa berlaku tsunami selain untuk memelihara alam semula jadi.

"Pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar merupakan satu aspek yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri sebagaimana dirangka menerusi Pelan Strategik Guna Tanah dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030).

"Langkah ini penting bagi memelihara keseimbangan pembangunan serta kepentingan jangka panjang penggunaan tanah negeri termasuk kawasan berhutan.

"Malah, manifesto Kerajaan Negeri turut diterjemahkan menerusi Visi Penang2030 untuk menambahkan keluasan Hutan Simpanan Kekal di negeri ini atas prinsip menjamin penyerapan karbon sebagai mitigasi isu perubahan iklim," jelasnya.

*(Sambungan di muka 2).*

*(Sambungan dari muka 1).*

# Dua kawasan Hutan Paya Laut dalam proses pewartaan



SEKUMPULAN individu sedang menjalankan aktiviti di kawasan Hutan Paya Laut dekat Teluk Air Tawar.

Boon Poh menegaskan bahawa pewartaan Hutan Simpanan Kekal juga menyebabkan sebarang pembangunan di kawasan yang telah digazetkan menjadi lebih ketat termasuk tidak membenarkan sebarang aktiviti penebangan pokok.

"Pada masa sama, Kerajaan Negeri juga mahu pewartaan ini turut memberi manfaat kepada penduduk tempatan kerana mereka boleh menuai hasil yang ada di kawasan Hutan Simpanan Kekal seperti madu, ketam nipah, siput sedut dan banyak lagi.

"Malah, kawasan ini juga turut menjadi habitat untuk burung hijrah sepertimana yang kita dapat lihat di kawasan Teluk Air Tawar," ulasnya lanjut.

## Hutan Paya Laut

Boon Poh berkata, bagi meneruskan komitmen ke atas pewartaan Hutan Simpanan Kekal di negeri ini, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Alam Sekitar juga menyusun strategi untuk mewartakan semua kawasan Hutan Paya Laut dalam tanah kerajaan dan tanah milik agensi negeri.

"Hutan Paya Laut merupakan kawasan sensitif yang perlu dipelihara kerana selain berfungsi sebagai benteng hakisan ombak dan nurseri kepada hidupan laut, ia juga mempunyai keupayaan tinggi sebagai penyimpan karbon berbanding jenis hutan pamah lain.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri yang bersidang pada 5 Disember tahun lepas telah meluluskan seluas 676.48 hektar merangkumi lapan kawasan Hutan Paya Laut untuk diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal dan telah diwarta menerusi Siar Warta bernombor 1291 bertarikh 15 Disember tahun 2022.

"Jumlah kawasan Hutan Paya Laut yang telah diwarta ini hanya sebahagian daripada 38 lokasi kawasan seluas 1,619.22 hektar (keluasan digital) yang dikenal pasti sesuai diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal.

"Ini menjadikan jumlah kawasan Hutan Paya Laut Negeri Pulau Pinang yang diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) ketika ini adalah seluas 1,057.52 hektar atau peningkatan sebanyak 63.9 peratus.

"Hutan Paya Laut yang diwartakan turut meliputi kawasan di sepanjang pesisir Penaga seluas 326.49 hektar yang menjadi tumpuan kepada persinggahan burung-burung hijrah," jelasnya.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Boon Poh memberitahu bahawa masih terdapat dua kawasan Hutan Paya Laut yang hendak diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal namun masih berdepan masalah teknikal iaitu di Pasir Gebu (Penaga) dan Batu Maung.

"Di Pasir Gebu, kawasan yang dikenal pasti adalah seluas kira-kira 350 ekar yang kini menjadi zon industri akuakultur manakala di Batu Maung pula seluas kira-kira 400 ekar.

"Kedua-dua kawasan ini masih dalam perbincangan untuk diwartakan dan kini berada dalam proses libat urus bersama penduduk setempat.

"Langkah seterusnya ialah MMK Alam Sekitar akan meneruskan kerja-kerja perincian bagi kawasan Hutan Paya Laut yang selebihnya untuk diwartakan secara berperingkat," katanya.

Walau bagaimanapun, Boon Poh optimis bahawa proses pewartaan Hutan Paya Laut di Pasir Gebu dekat Penaga lebih mudah kerana kawasan tersebut berada dalam tanah Kerajaan Negeri yang dimiliki oleh Perbadanan Ketua Menteri (CMI).

"Namun begitu, keadaan berbeza dengan Batu Maung kerana ia melibatkan tanah Kerajaan Negeri yang telah diserahkan kepada agensi Kerajaan Persekutuan yang kini di bawah seliaan Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang.

"Kawasan Batu Maung merupakan satu-satunya hutan paya bakau di dalam bandar dan kawasan ini sangat penting dan boleh dianggap sebagai 'paru-paru' bandar kerana kepesatan pembangunannya," ulasnya.

## Proses pewartaan

Boon Poh berkata bahawa usaha untuk mewartakan Hutan Simpanan Kekal perlu melalui beberapa proses dan mengambil masa yang agak panjang kerana membabitkan banyak pihak.

Tambah beliau, perincian secara berperingkat juga perlu dijalankan dengan berhati-hati agar tidak berlaku pertindihan kawasan terutamanya bagi kawasan melibatkan sempadan yang tidak jelas sekali gus menjejaskan fungsi guna tanah serta perancangan pembangunan semasa.

"Proses pertama ialah mengenal pasti kawasan yang hendak diwartakan, kemudian kita perlu melakukan kajian sebelum membentangkan (hasil kajian) kepada Pejabat Daerah.

"Langkah seterusnya adalah Kerajaan Negeri perlu menubuhkan jawatankuasa untuk membincangkan isu ini.

"Ini kerana apabila kita bercakap soal hutan paya bakau, ia akan melibatkan banyak pihak seperti nelayan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pejabat Perhutanan Negeri dan lain-lain lagi.

"Apabila kita mendapati semua pihak bersetuju dengan cadangan pewartaan ini, barulah kita adakan sesi libat urus bersama-sama penduduk setempat untuk mendengar pandangan dan idea mereka.

"Selepas semuanya selesai, Kerajaan Negeri perlu menghantar laporan kepada Penasihat Undang-Undang Negeri untuk mendapatkan maklum balas dan kemudiannya perlu diluluskan pada peringkat MMK Alam Sekitar untuk tujuan pewartaan," ujarnya.

## Bantu tingkatkan sektor pelancongan

Menurut Boon Poh, pewartaan Hutan Simpanan Kekal juga berkait secara langsung dengan sektor pelancongan kerana kawasan tersebut boleh ditransformasikan kepada kawasan ekopelancongan.

Tambah beliau, pelbagai cara boleh dilaksanakan untuk menjadikan kawasan Hutan Paya Laut sebagai kawasan ekopelancongan tanpa menjejaskan fungsinya sebagai Hutan Simpanan Kekal.

"Namun begitu, kita perlu pastikan bahawa sebarang pembangunan tidak boleh dilakukan di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal, sebaliknya hanya boleh dilakukan di kawasan sekitarnya sahaja.

"Bagi saya, apa yang lebih penting adalah membina kemudahan yang lebih baik di kawasan sekitar seperti jalan raya, petunjuk arah, tempat letak kereta, kompleks makanan dan sebagainya.

"Selain itu, kita juga perlu memastikan pembangunan memberi manfaat yang maksimum kepada penduduk setempat termasuk memberi peluang kepada mereka menjalankan perniagaan seperti memberikan lesen pengendali bot pelancongan.

"Dengan ini, mereka boleh membawa pelancong ke Teluk Air Tawar dari Bagan Belat untuk melihat aktiviti nelayan, melihat burung hijrah, menikmati keindahan hutan paya bakau yang kini menjadi kawasan penternakan kerang melalui pakej yang disediakan.

"Pakej yang disediakan ini boleh merangkumi hotel penginapan, pengangkutan, perkhidmatan bot pelancongan, makanan dan sebagainya," jelasnya.

Justeru kata Boon Poh, inisiatif tersebut diharap dapat memberi manfaat terutamanya untuk meningkatkan pendapatan penduduk setempat selain kebergantungan mereka kepada pendapatan sebagai nelayan.

"Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai perancangan untuk membangunkan ekonomi masyarakat luar bandar terutamanya orang Melayu seperti di Penaga dan ini merupakan salah satu daripadanya," katanya mengakhiri bicara.

Oleh: **AZMI HUSSIN**



# Erat semangat imarahkan masjid, satukan pemikiran

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**BUKIT TENGAH -** Lebih 90 peratus daripada 197 masjid yang menjalani proses pemilihan jawatankuasa kariah masjid di negeri Pulau Pinang baru-baru ini berjalan lancar serta mencapai objektif sebagaimana digariskan dalam Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Yang Dipertuanya, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Timbalan Ketua Menteri I memberitahu bahawa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) selaku pelaksana proses pemilihan jawatankuasa kariah masjid hanya menerima kira-kira 100 aduan dan bantahan berkaitan.

"Lebih 90 peratus (proses pemilihan jawatankuasa kariah masjid) berjalan lancar.

"Yang kita (MAINPP) anggap sebagai bantahan 'berat' ada dalam dua atau tiga (bantahan); saya ingat (bantahan atau aduan) yang belum selesai adalah dalam tiga atau empat sahaja," jelasnya dalam sidang media berkaitan di perkarangan Masjid Jamek Lebai Hashim, Bukit Minyak dekat sini pada 6 Januari 2023.

Mengulas lanjut, beliau yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti berkata bahawa Jawatankuasa Pelaksanaan Pemilihan Jawatankuasa Kariah Masjid Pulau Pinang diberi masa untuk menyelesaikan baki aduan serta bantahan dalam tempoh dua minggu hingga dua bulan.

Tambah beliau, MAINPP akan terus melaksanakan program mengeratkan semangat harmoni pada peringkat kariah masjid.

"Mulai tahun ini, kita akan berusaha melaksanakan program mengeratkan semangat mengimarahkan masjid, menyatukan pemikiran antara pentadbir masjid dan MAINPP sendiri, kita akan eratkan hubungan seperti buat seminar dan latihan pemantapan pengurusan masjid," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal.

Buletin Mutiara difahamkan bahawa di Pulau Pinang terdapat sejumlah 221 masjid setakat ini.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Zakiyuddin turut mengumumkan Masjid Jamek Lebai Hashim Bukit Minyak akan melaksanakan Solat Fardu Jumaat terakhir bagi memberi laluan kepada pelaksanaan projek penaiktarafan masjid tersebut.


IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (berdiri) ketika di Masjid Jamek Lebai Hashim Bukit Minyak yang melaksanakan Solat Jumaat terakhir bagi memberi laluan kepada pelaksanaan projek penaiktarafan masjid tersebut dekat sini baru-baru ini.

# Bina tangki simpanan atasi masalah tekanan air rendah

**BATU UBAN -** Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sedang merancang untuk membina sebuah tangki simpanan dekat Bukit Penara, Balik Pulau bagi mengatasi isu bekalan air di daerah Barat Daya.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pendekatan berkaitan adalah disebabkan sebahagian penduduk di daerah Barat Daya terutamanya di kawasan Bayan Baru dan Balik Pulau sering berdepan dengan masalah tekanan air rendah yang berlarutan sejak sekian lama.

"Kita (Pulau Pinang) mempunyai satu lagi sumber iaitu Empangan Teluk Bahang yang mana sebahagian penduduk di daerah Barat Daya khususnya Balik Pulau menerima sumber bekalan air dari empangan ini.

"Oleh itu, dengan rancangan untuk membina tangki simpanan di Bukit Penara, maka sebahagian penduduk di daerah Barat Daya termasuk Balik Pulau akan mendapat bekalan air yang mencukupi.

"Ini merupakan salah satu usaha PBAPP untuk memastikan penduduk di negeri ini menerima bekalan air dengan kadar tarif yang rendah, bersih, selamat dan tanpa gangguan pada setiap masa," katanya semasa berucap pada program Jelajah ❤ PENANG Ketua Menteri 2.0 ke Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Uban dan majlis taklimat pembekalan serta penggantian paip PBAPP dekat Taman Pekaka di sini 14 Januari lalu.



KETUA Menteri dan Ir. K. Pathmanathan ditemui pemberita ketika mengadakan sidang media sempena program Jelajah ❤ PENANG Ketua Menteri 2.0 ke KADUN Batu Uban dan majlis taklimat pembekalan air serta penggantian paip PBAPP dekat Taman Pekaka di sini baru-baru ini.

Menurut Kon Yeow, ekoran gangguan bekalan air luar jangka yang berlaku di bahagian pulau beberapa bulan lalu susulan kerja-kerja penggantian injap di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, PBAPP juga merancang untuk membina saluran paip berasingan untuk menyalurkan air dari Seberang Perai ke pulau.

"Bagi menangani masalah bekalan air ke bahagian pulau, sebenarnya PBAPP sudah membina saluran paip dasar laut berkembar ketiga dari Butterworth ke Gat Lebuh Macallum untuk menggantikan paip yang lama.

"Namun, disebabkan berlaku gangguan bekalan yang tidak sepatutnya berlaku beberapa bulan lalu, kita (Kerajaan Negeri) mencari penyelesaian dan membuat keputusan untuk membina saluran paip berasingan supaya air boleh disalurkan terus ke bahagian pulau," katanya.

Mengulas mengenai projek pembekalan air di Taman Pekaka, Kon Yeow berkata bahawa projek berkenaan yang menelan kos sebanyak RM1 juta itu bakal bermula pada 1 Februari 2023 dan dijangka mengambil masa selama sembilan bulan untuk disiapkan.

"Projek ini melibatkan penggantian paip-paip lama yang diperbuat daripada simen asbestos (AC) kepada paip-paip bergaris Pusat 150 milimeter (mm) besi mulur (600meter) dan 50mm di Lorong Pekaka 1,2,3,4,5 dan Sungai Dua.

"Justeru, diharapkan dengan terlaksananya projek ini, penduduk di Taman Pekaka dapat menikmati bekalan air yang lebih baik pada masa akan datang," katanya.

Dalam pada itu, mengulas lanjut mengenai pembinaan tangki simpanan di Bukit Penara, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Ir. K. Pathmanathan berkata bahawa projek tersebut dijangka mampu menampung kapasiti air sebanyak 3 juta mililiter sehari (MLD).

"Tangki simpanan ini akan menyalurkan air ke kawasan-kawasan yang mendapat bekalan air paling akhir dari saluran paip Sungai Dua seperti di Bayan Baru dan Balik Pulau.

"Pembinaan projek ini dijangka mengambil masa empat hingga lima tahun untuk disiapkan kerana ia merupakan pelan kontigensi jangka panjang yang memerlukan perancangan yang teliti," katanya.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan menzahirkan penghargaan kepada PBAPP kerana telah mempercepatkan projek penggantian paip lama di Taman Pekaka.




*PENANG Hill Gallery@Edgecliff* yang merupakan tarikan terbaru.



PEMANDANGAN memukau di puncak Bukit Bendara.

# Kereta Kabel Bukit Bendera

## mod pengangkutan tambahan, rancak sektor pelancongan

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**



CHEOK Lay Leng.

**PERANCANGAN** pembangunan projek kereta kabel Bukit Bendera tidak asing lagi daripada pengetahuan umum dan bakal dilaksanakan tidak lama lagi.

Menurut Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PHC), **DATO' CHEOK LAY LENG,** pihaknya ingin mencapai keseimbangan penggunaan kedua-dua sistem kereta api dan kereta kabel.

"Sistem kereta kabel yang bakal dilaksanakan ini sememangnya membawa banyak manfaat terhadap semua pihak terutamanya pengunjung yang datang melancong serta penduduk sekitar.

"Sebagai contoh, penggunaan kereta kabel di Langkawi dan Genting Highlands sememangnya menjadi tarikan pengunjung luar.

"Dengan wujudnya sistem kereta kabel di Bukit Bendera, pengunjung dapat merasai pengalaman yang berbeza, tidak sama seperti perkhidmatan funikular sedia ada," katanya semasa ditemui pada sesi wawancara khas pada 11 Januari 2023.

Di samping itu, Lay Leng berkata bahawa PHC akan berusaha merealisasikan perancangan projek yang pada pandangan setengah pihak ia adalah mustahil.

"Dalam merancang sesuatu yang besar, sudah tentu terdapat pelbagai halangan dan cabaran perlu diharungi, dan pihak kami tidak hanya terhenti di situ.

"Pihak kami cekal mencari alternatif lain bagi melaksanakan projek ini, dan turut bersyukur dengan inisiatif Kerajaan Negeri meneruskan hasrat pembangunan Projek Kereta Kabel Bukit Bendera melalui konsep Kerjasama Awam Swasta (PPP)," ulasnya lanjut.



PENYELENGGARAAN kereta api funikular.

Dalam pada itu, Lay Leng turut menyatakan bahawa pihaknya amat prihatin mengenai kekangan yang dihadapi pengunjung sewaktu menunggu giliran.

"Kereta kabel berupaya menjadi sebuah mod pengangkutan tambahan terutamanya dalam mengurangkan kesesakan pada waktu puncak sekali gus menyumbang kepada pembangunan sektor pelancongan negeri secara berterusan.

"Ditambah pula bagi pengunjung daripada golongan warga emas, sudah tentu menunggu dalam tempoh yang lama akan menimbulkan rasa ketidakselesaan," ulasnya sambil menekankan aspek keselesaan pengunjung.

Bercerita lanjut mengenai produk tarikan kereta kabel, Lay Leng berkata bahawa PHC menjanjikan pengalaman yang lebih menarik dan pengunjung perlu mengalaminya sendiri.

"Pengunjung dapat menghargai serta menikmati keindahan alam sekitar dari pandangan atas pula dan melalui langit biru kerana kebiasaannya hanya melihat ke luar tingkap kereta api sahaja.

"Bukan itu sahaja, sudah tentu keutamaan ruang bagi warga emas disediakan serta dapat memuatkan sehingga lapan pengunjung dalam sebuah gondola di sepanjang 2.8 kilometer (km) perjalanan," kongsinya sambil menyatakan bahawa sistem yang digunakan merupakan enjin berkuasa elektrik tanpa bunyi.

Pada sesi sama, Lay Leng turut memaklumkan bahawa sasaran utama dalam menyiapkan projek adalah penyediaan tempat parkir.

"Secara umumnya, sesiapa yang pernah mengunjungi Bukit Bendera tahu akan kesukaran untuk memarkir kenderaan dan terdapat juga mereka yang hanya memarkir sesuka hati.



KERETA api funikular yang menjadi mod pengangkutan penting di Bukit Bendera kini.

"Oleh itu, penyediaan tempat parkir bertingkat bakal dilaksanakan terlebih dahulu yang mampu memuatkan sehingga 500 buah kenderaan," tambahnya lagi.

Mengulas lanjut, Lay Leng memberitahu bahawa mod kenderaan tambahan baharu itu turut diperlukan semasa kerja-kerja penyelenggaraan kereta api funikular.

"Kereta api funikular tetap beroperasi seperti biasa walaupun semasa pandemik COVID-19 lalu kerana terdapat penduduk yang tinggal di atas bukit, pekerja-pekerja di klinik, serta pegawai-pegawai yang melaksanakan tugas rasmi.

"Oleh itu, waktu penyelenggaraan tidak boleh ditetapkan kerana perlu melihat kepada keadaan kereta api itu sendiri, pada masa akan datang pengunjung boleh menggunakan kereta kabel apabila kereta api sedang diselenggara," jelasnya lagi.

Mengakhiri sesi wawancara, Lay Leng berharap kejayaan projek berkaitan bakal mengembangkan lagi industri pelancongan Pulau Pinang secara keseluruhan.

"Pihak PHC akan bekerjasama dengan lebih teguh bersama-sama Taman Botani Pulau Pinang dalam merancang pembangunan kedai dan sebagainya di sekitar kawasan berkaitan.

"Secara tidak langsung, banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan di samping dapat mengurangkan kadar pengangguran," ulasnya.

Buletin Mutiara difahamkan, sistem kereta kabel merupakan mod *Environmental Sustainable Transport* (EST) yang banyak dilaksanakan di taman negara, rizab alam semula jadi dan tapak warisan dunia UNESCO ekoran hanya membabitkan ruangan kecil dan metodologi pembinaan yang mesra alam.

Menariknya, menjelang 31 Oktober akan datang telah genap 100 tahun ulang tahun kereta api funikular di Bukit Bendera.

# Teruskan rondaan bendung kesalahan vesel tunda

ISU pukat tunda menceroboh ke kawasan perairan cetek bukan suatu isu baharu yang sering disuarakan oleh nelayan pesisir pantai.

Penggunaan pukat tunda di bawah jarak yang dibenarkan menimbulkan kegusaran dan ketidakselesaan dalam kalangan nelayan pesisir pantai ekoran kesan jangka panjang dan pendek membabitkan pelbagai aspek.

Pada 4 dan 5 Januari lalu, empat vesel tunda telah ditahan oleh Unit Penguatkuasaan Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Pulau Pinang hasil rondaan berkala akibat kegagalan mematuhi jarak beroperasi yang dibenarkan.

Buletin Mutiara melalui penulis, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** sempat mendapatkan reaksi Pengarah DOF Pulau Pinang, **YAZEEREEN A. BAKAR** untuk mengulas isu tersebut.

Menurut Yazeereen, lazimnya pukat tunda dibenarkan beroperasi pada jarak kira-kira 15 batu nautika dari pantai atau daratan paling hampir.

"Sekiranya kurang daripada itu, ia mampu menghadirkan beberapa ancaman dan konflik kepada nelayan pesisir pantai (bot kecil).

"Pertama sekali kita perlu tahu, bahawa vesel pukat tunda ini kalau beroperasi di perairan cetek, ia mampu merosakkan ekosistem marin di sesuatu kawasan.



**YAZEEREEN A. Bakar.**

"Pengoperasian pukat tunda ini, ia akan berisiko menarik sekali gus kesemua hidupan termasuk kemusnahan habitat sumber laut.

"Kemusnahan tersebut sekali gus boleh menjejaskan punca rezeki nelayan-nelayan pesisir pantai lantas akan mewujudkan konflik," ujarnya kepada Buletin Mutiara dalam satu temu bual pada 11 Januari lalu.

Tambah Yazeereen, DOF Pulau Pinang sememangnya memandang serius isu penggunaan pukat tunda di bawah zon yang dibenarkan kerana ia boleh menjejaskan keterjaminan keselamatan makanan melalui sumber laut.

Selain JPNPP, agensi lain yang turut mengawasi hal tersebut adalah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Polis Marin.

Beliau sebelum itu memaklumkan bahawa Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang kaya dengan sumber hidupan marin dan akuakultur.

"Di Pulau Pinang juga ada pendaratan penyu seperti di Teluk Bahang dan beberapa kawasan di Barat Daya termasuk terumbu karang, sekiranya kegiatan vesel tunda berleluasa adalah tidak mustahil khazanah ini boleh lenyap pada masa hadapan.

"Jadi untuk menjaga sumber-sumber ini, kita juga perlukan satu kesepaduan dan hubungan bersama agensi lain agar vesel-vesel tunda ini beroperasi mengikut zon yang dibenarkan sahaja," jelasnya yang baru dilantik sebagai Pengarah DOF Pulau Pinang.

Sebagai antara negeri pengeluar hasil laut tertinggi, ekosistem perairan Pulau Pinang amat penting untuk dijaga rapi.

Yazeereen memberitahu bahawa hukuman kepada nelayan vesel tunda yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 8(B) Akta Perikanan 1985 boleh membawa kepada kompaun maksimum RM20,000.

Pada kes 4 dan 5 Januari lalu, selain vesel disita, rampasan hasil laut seberat 2.9 tan metrik ikan turut dilelong untuk mengelakkan tangkapan hasil laut tersebut rosak.

"Nilai rampasan adalah terdiri daripada empat vesel, hasil laut dan lain-lain dianggarkan bernilai RM2.8 juta.

"Keempat-empat vesel tersebut adalah berpangkalan di Kuala Kedah dan Kuala Kurau.



EMPAT vesel tunda yang disita dekat Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Batu Maung di sini baru-baru ini.

"Kesalahan lain yang turut dilakukan adalah mengambil kru vesel yang terdiri daripada warga asing tanpa permit yang sah, dan kes tersebut diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut," ulasnya.

Justeru, Yazeereen mengulangi tekad untuk bersama-sama Unit Penguatkuasaan meneruskan rondaan-rondaan di perairan negeri ini bagi membendung kesalahan vesel tunda yang beroperasi di luar zon yang dibenarkan.

"Pihak kami (DOF Pulau Pinang) akan terus bekerjasama dari semasa ke semasa dengan agensi-agensi lain dalam meningkatkan kesiapsiagaan agar perkara ini dapat dibendung.

"Sebagai rekod tahun lalu sahaja, terdapat kira-kira 80 kes sama, dan kalau boleh tahun ini kita harap hasil rondaan yang lebih kerap, kes pencerobohan ini dapat dikurangkan agar sumber laut di Pulau Pinang lebih terpelihara di samping ia tidak menjejaskan sumber pencarian nelayan pesisir pantai," ulasnya lanjut.

## Empat vesel pukat tunda disita

**BATU MAUNG** - Unit Penguatkuasaan Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Pulau Pinang menyita empat vesel pukat tunda tempatan akibat dipercayai melakukan tangkapan ikan di bawah zon perairan yang tidak dibenarkan.

Pengarah DOF Pulau Pinang, Yazeereen A. Bakar berkata bahawa keempat-empat vesel tersebut ditahan pada 4 dan 5 Januari lalu hasil rondaan Unit Penguatkuasaan DOF Pulau Pinang.

"Pada 4 Januari 2023, dua vesel tunda Zon C telah ditahan atas kesalahan beroperasi kurang dari 15 batu nautika dari pantai atau daratan terdekat.

"Vesel-vesel yang berpangkalan di Kuala Kedah itu ditahan pada kedudukan 9.1 dan 9.8 batu nautika di barat Mukahead perairan Pulau Pinang yang mana kurang 12 batu nautika dari daratan paling hampir.

"Manakala pada 5 Januari, sebuah vesel tunda Zon C yang berpangkalan di Bagan Panchor, Perak turut disita pada kedudukan 10.8 batu nautika dari Gertak Sanggul selain menggunakan kru asing tanpa permit," ujarnya dalam satu sidang media ekoran penahanan empat vesel bersama-sama hasil tangkapan ikan di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM) Batu Maung dekat sini 6 Januari lalu.

Hadir sama, Pembantu Laut, Mohammad Rizal Abu Aziz dan anggota-anggota Unit Penguatkuasaan DOF Pulau Pinang.

Tambah Yazeereen, pada lewat petang 5 Januari juga, sebuah lagi vesel tunda Zon C dari Kuala Kurau turut ditahan kerana beroperasi pada kedudukan 7.2 Batu Nautika dari Tanjung Piandang serta menggunakan empat warga asing tanpa permit.

"Kesemua vesel ditahan tersebut disita di bawah Seksyen 8(B) Akta Perikanan 1985 iaitu melanggar apa-apa syarat lesen yang dikeluarkan berkenaan vesel itu dan dibawa ke Jeti LKIM Batu Maung untuk tindakan selanjutnya.

"Anggaran nilai rampasan bagi vesel terbabit adalah sebanyak RM2.8 juta termasuk hasil tangkapan sebanyak 2.9 tan metrik,'' jelasnya.



YAZEEREEN A. Bakar (bertudung merah) menunjukkan jenis pukat (tunda) terlarang pada sidang media di sini baru-baru ini.



MASLIANA Yusoff.

# Dapur Masliana kongsi





LAKSA telur sarang yang merupakan antara menu istimewa.



AIS kacang yang turut mendapat permintaan.

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**DAHULU** hanya 'menumpang' berniaga di kedai milik orang lain, namun selepas lebih lima tahun, kini Dapur Maslina mempunyai premis dan perniagaannya sendiri.

Pemiliknya, **MASLIANA YUSOFF** sememangnya terkenal dengan jualan hampir 100 jenis menu yang menarik minat ramai pelanggan.

“Dahulu, saya hanya menyewa di warung dekat Balik Pulau, tetapi disebabkan banyak kekurangan yang perlu ditangani, saya membuat keputusan untuk membuka kedai sendiri.

“Kemudian, saya didedahkan dengan Skim Pinjaman Harapan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan terus melengkapkan proses mengikut terma serta syarat yang telah ditetapkan,” kongsinya mengenai langkah awal yang membolehkan beliau membuka kedai sendiri.

Buletin Mutiara difahamkan, Masliana bersikap murah hati dalam menjalankan perniagaannya sehingga mengambil inisiatif untuk berkongsi rezeki bersama-sama barisan usahawan kecil yang lain.

“Idea untuk menjadi vendor ini sememangnya datang daripada para pelanggan tetap saya yang mana mereka mencadangkan supaya saya menjual kepelbagaian menu selain produk saya sendiri.

“Oleh itu, saya mengambil alternatif menjadi vendor dan mengajak usahawan-usahawan kecil yang lain untuk sertai Dapur Masliana, dengan ini menu yang dijual semakin banyak dan meriah,” katanya sambil menyatakan kini terdapat lebih 70 usahawan kecil bergiat aktif menghantar juadah masing-masing.

Tambah beliau, pelanggan di sekitar (bahagian) pulau sangat ramai dan sering menggunakan khidmat penghantaran sekiranya tidak boleh datang sendiri ke kedai.

“Saya menjual juadah yang sukar didapati supaya dapat memenuhi kemahuan pelanggan, dan alhamdulillah semua juadah yang dijual mendapat sambutan menggalakkan.

“Kini, saya berterusan membuka peluang untuk berkongsi rezeki bersama Dapur Masliana kepada sesiapa sahaja yang berminat dengan syarat pihak kami perlu menguji kesedapan makanan tersebut terlebih dahulu,” tegasnya sambil menambah bahawa jika rasa tidak begitu memuaskan, pihaknya akan meminta untuk juadah tersebut diolah semula dan dihantar kembali ke kedai Dapur Masliana.

Dalam pada itu, Masliana menyatakan bahawa beliau turut mencari rezeki tambahan dengan mengambil tempahan melalui perkhidmatan katering bagi apa jua acara dan majlis.

“Selalunya pada hujung minggu, tempahan akan penuh bagi katering, oleh itu, hanya hari Isnin hingga Jumaat sahaja kedai dibuka seperti biasa bermula jam 11:30 pagi sehingga 7 malam.



SEBAHAGIAN produk berasaskan tenusu yang dijual.

# rezeki usahawan kecil dari rumah


RUPA bentuk premis Dapur Masliana.

"Jika tidak terlibat dengan tempahan, kebiasaannya Dapur Masliana akan mengambil bahagian dalam ekspo-ekspo yang dianjurkan di negeri ini," ujarnya sambil menyatakan bahawa premisnya menjalankam perniagaan di Balik Pulau pada setiap bulan Ramadan.

Antara menu menarik di Dapur Masliana ialah laksa telur sarang, bihun sup, ayam pedas Korea, bebola daging keju, buko, ais kacang, kuih-muih, set-set nasi, makanan barat, menu Thailand serta pelbagai jenis pencuci mulut.

Menariknya, Masliana sendiri mempromosikan perniagaannya menggunakan platform *TikTok* dan memperoleh banyak tontonan serta pesanan.

"Setiap hari, saya akan memuat naik suapan di laman *Facebook* dan turut mempromosikan di kumpulan sembang yang disertai.

"Bukan itu sahaja, saya juga membuat siaran langsung di *TikTok* kerana penonton di platform berkaitan dapat dicapai dengan lebih ramai serta ada juga membuat pesanan secara terus," katanya sambil memaklumkan bahawa khidmat penghantaran turut disediakan sehingga habis waktu jualan.

Tidak lengkap sebuah perniagaan tanpa sebarang rintangan, begitu juga Masliana yang turut menceritakan perihal pasang surut perjalanan perniagaannya sebagai vendor.

"Perniagaan seperti ini sudah tentu memerlukan tenaga kerja ramai, malangnya saya diuji dengan keadaan kewangan yang tidak mencukupi untuk membayar upah pekerja.

"Agak sukar kerana pada ketika itu saya perlu membayar upah untuk enam orang pembantu, tidak termasuk segala bil-bil dan perbelanjaan yang berkaitan.

"Oleh itu, kini hanya adik-beradik saya sendiri sahaja yang bekerja bersama-sama saya," kongsinya sambil menyatakan bahawa keadaan cuaca yang tidak menentu turut menyebabkan perniagaannya sedikit perlahan.

Mengakhiri sesi wawancara, Masliana turut berkongsi perancangannya untuk menembusi pasaran di bahagian Seberang Perai pula.

"Terdapat juga permintaan daripada pelanggan di bahagian Seberang Perai yang ingin membuat pesanan, cuma pihak kami belum menyediakan khidmat penghantaran di kawasan itu kerana caj penghantaran mungkin agak tinggi.

"Oleh itu, saya amat bersyukur dengan rezeki serta sokongan yang dilimpahkan, saya bakal membuka cawangan baru di sekitar Kepala Batas, dan diharapkan perniagaan di sana juga akan mendapat sambutan ramai," ulasnya sambil memberitahu bahawa beliau akan memuat naik berita terbaru di laman *Facebook* beliau.

## Silang Kata 'Dari Gabenor Ke TYT'

### Siri 3

Tarikh tutup bagi Siri 3:
**6 April 2023**

### Melintang

3. Nama makam Allahyarham Tun Dr. Haji Awang Hassan
4. Gelaran lain bagi Pulau Pinang
8. Bendera yang dinaikkan pada hari Pengisytiharan Kemerdekaan Tanah Melayu
9. Kolej Melayu Kuala Kangsar
10. Konsep reka bentuk pentas Singgahsana
11. Kerjaya awal Allahyarham Tun Syed Sheh Abdullah Shahabudin
13. Tempat kelahiran TYT Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak

### Menegak

1. Tokoh berketurunan Acheh
2. Isteri Allahyarham Tun Syed Sheh Barakbah
4. Gelaran Allahyarham Tun Hamdan Sheikh Tahir oleh Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Lokasi Suffolk House
6. Laungan Merdeka Tunku Abdul Rahman
7. Mod pengangkutan Allahyarham Tun Hamdan Sheikh Tahir semasa bertugas sebagai Guru Besar
12. Warna biru muda bendera Pulau Pinang
14. Juru Pengiring



**Lengkapkan slogan dibawah:**
Pameran Dari Gabenor Ke TYT takkan lengkap tanpa ..................................................
..................................................
..................................................
*(tidak melebihi 20 patah perkataan)*

PENANG 2030 ❤PENANG

**Sila lengkapkan butiran berikut :**

Nama Penuh: ..................................................
No. Kad Pengenalan: ..................................................
Alamat: ..................................................
..................................................
..................................................
No. Telefon: (Bimbit) ..................................................
Emel: ..................................................

**Terma & Syarat Peraduan:**

1. Terbuka kepada semua warganegara Malaysia.
2. Lengkapkan silang kata berserta slogan paling kreatif tidak melebihi 20 patah perkataan.
3. Hanya borang penyertaan asli boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar SATU penyertaan sahaja.
5. Hanya penyertaan yang lengkap bakal diadili.
6. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
7. Tarikh TUTUP bagi Siri 3 ialah 6 April 2023.
8. Sebarang pertanyaan sila hubungi 04-6505564 / 5256 / 5704.
9. Hantarkan penyertaan ke:
Buletin Mutiara, Peraduan Silang Kata – Dari Gabenor Ke TYT Siri 3,
Tingkat 47 Komtar, 10503 Pulau Pinang.

**Jawapan silang kata boleh didapati di Pameran Dari Gabenor Ke TYT yang berlangsung di Perpustakaan Awam Pulau Pinang, Jawi bermula pada 18 Februari – 5 April 2023.**

**Hadiah:**

**Pertama:** RM300 + cenderamata eksklusif
**Kedua:** RM200 + cenderamata eksklusif
**Ketiga:** RM100 + cenderamata eksklusif



NORIZA Ibrahim.

# Lahirkan lebih ramai profesional, tingkat kemahiran



PREMIS perniagaan yang terletak di Pasaraya Besar Giant dekat Bayan Lepas.

**PERNIAGAAN** Anggerik Spa & Beauty yang beroperasi di Lot F08, Tingkat 1, Pasaraya Besar Giant dekat Bayan Lepas bukanlah asing kerana sudah bertapak di lokasi itu sejak 17 tahun yang lalu.

Kini pengasasnya, **NORIZA IBRAHIM**, 53, bertindak mengembangkan lagi perniagaan sedia ada dengan menyediakan perkhidmatan penjagaan bayi dan ibu berpantang atau *confinement* di sekitar Pulau Pinang dan negeri di wilayah utara.

Baru-baru ini, beliau yang lebih mesra disapa sebagai Kak Liza turut mengambil bahagian sebagai salah seorang peserta Program Mentor Usahawan Wanita Pulau Pinang 3.0 (PWEMP 3.0) yang berlangsung selama empat bulan mulai Ogos hingga November 2022.

## Perkhidmatan penjagaan bayi dan ibu berpantang

Bercakap kepada wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD**, Noriza menjelaskan bahawa penyertaan beliau dalam program PWEMP 3.0 anjuran Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) adalah untuk membantu melahirkan lebih ramai profesional dalam bidang berkaitan.

"Semasa saya sertai program ini, saya dapati bahawa di negeri Pulau Pinang sebenarnya ramai yang terlibat dalam bidang penjagaan bayi dan ibu berpantang tetapi mereka tidak menjalankan perkhidmatan ini secara profesional.

"Maksudnya, mereka masih mengamalkan cara tradisional dengan memberikan perkhidmatan dari rumah ke rumah dan masih menggunakan tanaman serta herba-herba yang belum diproses sebagai produk penjagaan kesihatan.

"Ini bukan bermakna cara tradisional itu sudah tidak relevan tetapi cara tersebut akan menyukarkan pengusaha sekiranya dia hendak mengembangkan perniagaan ke lokasi yang lebih jauh seperti di luar negara," ujarnya yang mempunyai diploma dalam Perubatan Alternatif dari *Indian Board of Alternative Medicines*.

Noriza berkata, untuk memulakan penyediaan perkhidmatan penjagaan bayi dan ibu selepas bersalin tidaklah sesukar cabang perniagaan biasa kerana ia boleh dijalankan secara bergerak serta tidak memerlukan premis tetap.

"Paling penting adalah seseorang itu perlu mempunyai sijil kemahiran dan perniagaan mesti berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memastikan aspek keselamatan pelanggan terjamin.

"Selain itu, mereka yang mahu terlibat dalam perniagaan ini perlu mempunyai kemahiran dalam pemasaran kerana pasaran untuk penjagaan ibu selepas bersalin adalah amat luas dan mudah berkembang.



PAKEJ-pakej yang ditawarkan.



PELATIH-pelatih yang menjalani latihan di Anggerik Spa & Beauty.

"Sebab itu, dalam program PWEMP 3.0 baru-baru ini, saya amat menekankan aspek pemasaran kepada para peserta kerana kemahiran lain seperti urutan, penggunaan herba adalah bergantung kepada kebolehan setiap individu," katanya.

Ditanya mengenai cabaran yang dihadapi sepanjang tempoh pandemik COVID-19, Noriza menyatakan bahawa perkhidmatan penjagaan bayi dan ibu bersalin antara yang tidak dibenarkan kerana ia melibatkan sentuhan.

Oleh itu menurut beliau, bagi meneruskan perniagaan termasuk menampung sewaan premis bagi Anggerik Spa & Beauty, beliau menyediakan perkhidmatan di hospital-hospital swasta seperti Hospital Pantai.

"Inilah pentingnya untuk kita tingkatkan kemahiran sehingga ke tahap profesional kerana apabila berlaku situasi seperti pandemik yang menghalang aktiviti ini dteruskan, kita masih boleh memberikan perkhidmatan di pusat jagaan ibu bersalin yang sah atau hospital swasta," katanya.

## Anggerik Spa & Beauty

Walaupun semakin sibuk dengan perniagaan penjagaan bayi dan ibu selepas bersalin ekoran permintaan yang semakin tinggi, Noriza memberitahu bahawa perniagaan spa dan urutan badan masih lagi diteruskan.

"Perniagaan spa masih berjalan seperti biasa dan dibuka setiap hari dari jam 10 pagi hingga 10 malam dan pelanggan juga tidak putus-putus datang ke sini.

"Untuk Anggerik Spa & Beauty, kami bukan sahaja menyediakan perkhidmatan urutan dan kecantikan tetapi juga memberi perkhidmatan urutan kepada bayi, mengajar teknik penyusuan yang betul selain urutan untuk memperbanyakkan susu ibu.

"Kami juga menyediakan peluang latihan khususnya kepada pelajar dari institut-institusi yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang mana pelatih akan menjalani latihan di sini selama beberapa bulan.

"Boleh dikatakan setiap bulan memang akan ada pelajar yang datang untuk menjalani latihan di sini," ujarnya lanjut.

Menyentuh mengenai harapan terhadap kedua-dua cabang perniagaan yang diusahakannya itu, Noriza berkata bahawa beliau berhasrat untuk mengembangkan perniagaan Anggerik Spa & Beauty dan penjagaan bayi serta ibu selepas bersalin ke seluruh negara.

"Saya juga berhasrat untuk menghasilkan produk sendiri yang menggunakan herba-herba tradisional kerana sekarang saya hanya mampu menghasilkan minyak untuk urutan sahaja," katanya menutup bicara.

Difahamkan, perniagaan Anggerik Spa & Beauty dibuka setiap hari dari jam 10 pagi hingga 10 malam dan hanya ditutup pada cuti umum.

Maklumat lanjut mengenai pakej-pakej dan perkhidmatan yang ditawarkan di Anggerik Spa & Beauty boleh hubungi talian 017-493 3578/ 04-644 0355.

# Naik taraf Rumah Pangsa Type R Bukit Gedung demi selesa rakyat

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**BATU MAUNG -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memuji usaha Perbadanan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) memperuntukkan RM1.5 juta bagi kerja-kerja menaik taraf bangunan Rumah Pangsa Type R Bukit Gedung demi keselesaan rakyat.

Menurut beliau, kerja-kerja tersebut meliputi penambahbaikan struktur bangunan di 10 blok Type R dan pemasangan *'gutter'* bahagian dalam yang melibatkan 10 blok bangunan.

"Atas keprihatinan dan tanggungjawab bagi memastikan keselesaan penduduk, PDC kini sedang melaksana beberapa kerja pembaikan struktur di Blok 12, 12A, 16 & 16A serta penukaran *'gutter'* bahagian dalam yang melibatkan 10 blok bangunan yang dijangka menelan belanja melebihi RM1.5 juta.

"Selain itu, kerja pengecatan bangunan telah mula dijalankan oleh pihak Jabatan Pesuruhjaya Bangunan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sejak Oktober 2022 dan dijangka siap sepenuhnya sebelum penghujung Februari 2023.

"Kos keseluruhan (pengecatan) adalah berjumlah RM1.4 juta melalui peruntukan daripada Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM)," ujarnya pada Majlis Perasmian Kerja-Kerja Pembaikan Kritikal Di Projek Rumah Pangsa Type R Bukit Gedung bersempena Jelajah ❤ PENANG Ketua Menteri 2.0 di sini 14 Januari lalu.



**KETUA Menteri sedang memasak nasi ponggal bersempena Siri Jelajah ❤ PENANG Ketua Menteri 2.0 dekat Lebuh Mahsuri di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Halim Hussain; Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin; Ketua Pegawai Eksekutif PDC, Dato' Aziz Bakar dan Pegawai Daerah Barat Daya (DBD), Mohd. Hafiz Aswad Nadzri.

Difahamkan, Rumah Pangsa Type R yang mempunyai 10 blok itu menempatkan 909 unit kediaman dan telah memperoleh Sijil Penghunian pada tahun 1985 dan 1986.

# 10 projek impak tinggi diberi keutamaan

**GEORGE TOWN -** Dengan peruntukan berjumlah RM2.27 bilion, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya telah memberikan keutamaan kepada 10 projek yang dijangka akan memberi impak besar serta kesan langsung kepada peningkatan taraf hidup rakyat di Pulau Pinang.

Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi menyampaikan amanat itu dalam Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam di Dewan Sri Pinang dekat sini pada 17 Januari 2023.

"Di bawah Rolling Plan Ketiga (RP3) Tahun 2023, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyasarkan 126 projek pembangunan dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM17.72 bilion dan peruntukan yang diperlukan bagi tahun 2023 berjumlah RM2.89 bilion.

"Daripada 126 projek yang disenaraikan, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti 10 projek perlu diberikan keutamaan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.




**KETUA Menteri ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam di sini baru-baru ini.**

Di samping itu, Kon Yeow turut memuji usaha serta integriti sekalian 3,920 anggota penjawat awam negara yang selama ini begitu komited dalam menjayakan Visi Penang2030 melalui kerjasama erat kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam membangunkan infrastruktur negeri.

"Pulau Pinang amat beruntung kerana memiliki barisan penjawat awam yang berdedikasi, berintegriti dan komited untuk memastikan dasar-dasar Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan jayanya," ujarnya.

Sebelum itu, Setiausaha kerajaan Negeri, Dato' Mohd. Sayuthi Bakar dalam ucapannya turut melafazkan ikrar bahawa sektor perkhidmatan awam negeri akan terus komited dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan.

"Mewakili perkhidmatan awam, kami komited untuk merealisasikan Visi Penang2030 (dengan tema) Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara," tegasnya.

## Pemaju PICC disyarat naik taraf jalan

**PANTAI JEREJAK -** Melalui pembangunan projek *Penang International Commercial City* (PICC) dekat Bayan Baru, pihak pemaju telah disyaratkan untuk menaik taraf jaringan jalan raya di kawasan sekitar.

Ketua Menteri, Y.A.B. Ketua Menteri berkata bahawa antara lokasi kerja-kerja naik taraf yang akan terlibat adalah di bulatan Bayan Baru, persimpangan Jalan Bukit Gambir dan Jalan Tun Dr. Awang.

"Selama 10 tahun sebagai Exco (lalu lintas) dan lima tahun sebagai Ketua Menteri, masalah kesesakan jalan raya di Bayan Baru menjadi lebih rumit dan mencabar dengan tambahan kenderaan yang menyebabkan jalan-jalan di sini tidak dapat menampung kenaikan jumlah kenderaan.

"Terkini, projek PICC akan memasuki fasa dua, salah satu syarat adalah pemaju perlu menaik taraf jalan sekitar (projek), maka pemaju perlu bina satu *underpass* (jalan bawah) di bulatan Bayan Baru, Krystal Point ke Jalan Tun Dr. Awang sebagaimana di Jalan Udini, Gelugor.

"Ini bermakna pemaju perlu siapkan sehingga lokasi projek PICC dan melepasi simpang ke Jalan Bukit Gambir. Dari Jalan Bukit Gambir, satu jejambat akan dibina memasuki PICC dan keluar di hadapan Jalan Mahsuri membabitkan tempoh masa beberapa tahun lagi," ujarnya pada Program Ramah Mesra Bersama-sama Penduduk bersempena Jelajah ❤ PENANG Ketua Menteri 2.0 di Lebuh Mahsuri dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin dan Pegawai Daerah bagi Daerah Barat Daya, Mohd. Hafiz Aswad Nadzri.

Selain projek berkaitan, jelas Kon Yeow, Kerajaan Negeri juga sedang menanti kelulusan projek Transit Aliran Ringan (LRT) yang dicadangkan berhampiran Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kwang Hwa, Sungai Nibong dan dalam kawasan projek PICC sendiri.

Menurut beliau, program jelajah tersebut bertujuan mendengar suara rakyat dan memastikan perkhidmatan Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sampai kepada rakyat.

